



TEKS UCAPAN

**YBRS. PROFESOR DR. AZIZAH ABDULLAH
PENOLONG NAIB CANSELOR INSTITUT KUALITI DAN
PENGEMBANGAN ILMU (INQKA)**

MEWAKILI

**YBHG. PROFESOR DATIN DR. SUZANA SULAIMAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR UiTM

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
KONVENSYEN KIK UiTM 2023**

25 OKTOBER 2023 (RABU)

**ANJUNG SERI BUDIMAN
UiTM SHAH ALAM**

Bismillahirrahmannirahim.

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

[SALUTASI]

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kerana dapat kita bersama-sama menyempurnakan **Majlis Penutupan Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) UiTM 2023** pada kali ini.
2. Semoga dengan kehadiran kita di sini, akan dapat memperkukuhkan ikatan ukhwah dan kebersamaan, agar teguh dalam menabur bakti kepada universiti yang kita cintai ini.
3. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Konvensyen KIK UiTM 2023 iaitu Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama InQKA, atas komitmen dan usaha yang jitu dalam memastikan Konvensyen KIK

UiTM pada tahun ini dapat dilaksana dengan jayanya.
Tahniah dan syabas kepada semua.

Para hadirin sekalian,

4. Saya difahamkan, sebanyak 20 kumpulan yang mewakili Jabatan, Fakulti dan Cawangan seluruh sistem UiTM telah terlibat dalam pertandingan peringkat akhir konvensyen KIK pada kali ini.
5. Tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya mengetengahkan hasil-hasil ciptaan yang berlandaskan kreativiti dan inovasi mereka.
6. Saya percaya melalui penciptaan seperti ini akan dapat memberi impak kepada universiti dan seterusnya dapat meningkatkan pembudayaan kualiti dalam kalangan warga universiti.
7. Seperti yang semua sedia maklum, KIK yang dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Mutu Kerja (KMK) telah diamalkan di UiTM sejak tahun 1985 dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah kerja dan membuat penambahbaikan berterusan bagi sistem kerja universiti

serta memberikan peluang kepada warga UiTM untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri.

8. Kini pada tahun 2023, penganjuran KIK kali ke-27 telah diteruskan dengan tema “**Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti**”.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Marilah sama-sama kita menghayati **erti jaminan kualiti** yang sebenarnya merujuk kepada konteks yang amat luas. Ia meliputi tindakan, proses dan sistem yang digunakan dalam pengeluaran produk atau perkhidmatan untuk memastikan bahawa ia memenuhi standard kualiti yang ditetapkan, seterusnya dapat membawa kepada hasil kepuasan hati pelanggan yang amat membanggakan.
10. Justeru, sejajar dengan tema strategik UiTM yang memfokuskan kepada **Kebolehpasaran Global 2023**, saya menyeru agar semua staf memahami dan mengamalkan **World Class Standard Practice** sebagai satu jaminan kualiti, di mana setiap proses kerja yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada piawaian dan standard yang diiktiraf oleh badan pensijilan antarabangsa.

11. **Jaminan kualiti** amat berkait rapat dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) iaitu dengan menggunakan standard seperti ISO 9001 yang dapat membantu universiti untuk mengenal pasti, merancang, melaksanakan serta mengawal proses-proses yang berkaitan kualiti.

Hadirin sekalian,

12. Pelaksanaan dan pembudayaan *World Class Standard Practice* ini akan dapat memperkukuhkan kecemerlangan organisasi dalam penghasilan kreativiti, inovasi dan kecemerlangan operasi yang mampu memberikan impak positif terhadap jabatan dan universiti.
13. Hasil kecemerlangan ini membuktikan bahawa jaminan kualiti adalah pemangkin yang dapat menyuntik daya tahan yang tinggi dan mempersiapkan warga universiti untuk bersaing di pasaran global.
14. Saya berbangga kerana hasil kreativiti dan inovasi yang dipertandingkan di peringkat UiTM tidak terhenti di sini sahaja, malahan banyak projek-projek yang telah berjaya mendapat pengiktirafan dan anugerah di konvensyen peringkat global. Tahniah kepada kumpulan-kumpulan KIK

yang telah mengharumkan nama UiTM di persada antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

15. Saya amat berharap, hasil kreativiti dan inovasi ini bukan sahaja sekadar dinobatkan di pentas pertandingan, malah apa yang lebih penting adalah penciptaan inovasi ini perlu diguna pakai dan diperluaskan ke seluruh sistem UiTM agar semua PTJ mendapat manfaat khususnya bagi meningkatkan produktiviti kerja dan kecekapan operasi.
16. Maka dengan itu, penganjuran konvensyen KIK seperti ini merupakan platform yang ampuh dalam memastikan UiTM sentiasa seiring dengan kemajuan dan revolusi inovasi masa kini.
17. Melalui penganjuran Konvensyen KIK ini juga, UiTM mendokong **teras ketiga visi Malaysia Madani** iaitu **Daya cipta (inovasi)**.
18. Daya cipta, sebagai salah satu rukun Malaysia Madani, akan mewujudkan proses perubahan berterusan yang mendakap dan memperkasa kreativiti rakyat.

19. Saya percaya, konvensyen seperti ini sememangnya telah berjaya melahirkan individu dan warga UiTM yang berkemahiran tinggi dan mempunyai pemikiran yang kritis.

Para hadirin sekalian,

20. Pengurusan universiti sentiasa menyokong usaha yang kreatif daripada warga UiTM bagi menambahbaik kualiti organisasi secara berterusan.
21. Besarlah harapan saya agar penganjuran konvensyen seperti ini mampu melahirkan budaya kerja yang berkualiti serta menjadi pemangkin kelestarian inovasi di UiTM, dan seterusnya menjadi titik tolak ke arah kegemilangan UiTM di mata dunia.
22. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Finalis KIK yang bakal memenangi anugerah-anugerah yang dipertandingkan.
23. Semoga dengan kejayaan ini akan menjadi suntikan semangat kepada seluruh warga universiti untuk terus berusaha menjadi yang terbaik dan terus kreatif dalam mereka cipta solusi dan proses baharu yang akan memberikan impak kepada kecemerlangan universiti.

24. Akhir kata, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan InQKA selaku Jawatankuasa Penganjur Konvensyen KIK UiTM 2023 pada kali ini yang berakhir dengan jayanya.

25. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, sukacitanya saya menyempurnakan **Majlis Penutupan Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) UiTM 2023.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.